

TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR
SEMPENA HARI KUALITI DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2005
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

TEMPAT:
DEWAN BESTARI
AYER KEROH, MELAKA

TARIKH :
12 SEPTEMBER 2006

TEKS UCAPAN YBHG. REKTOR SEMPENA HARI KUALITI DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2005, PADA 12 SEPTEMBER 2006, JAM 2.30 PETANG, BERTEMPAT DI DEWAN BESTARI, AYER KEROH MELAKA.

BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT DAN SALAM SEJAHTERA

SAUDARA DAN SAUDARI YANG HORMATI
YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SERI (Dr.) MOHD SALEH BIN SULONG, Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

YANG DIHORMATI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KEPADA ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH DAN RAHMATNYA DIBERIKAN KITA KESEMPATAN UNTUK SAMA-SAMA MENJAYAKAN SAMBUTAN MAJLIS HARI KUALITI KUTKM 2006 DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BAGI TAHUN 2005 HARI INI.

SAJA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN, TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA STAF YANG TELAH TERPILIH UNTUK MENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BAGI TAHUN 2005 INI.

SEMOGA PENGANUGERAHAN INI AKAN MENJADI PENDORONG KEPADA ANDA UNTUK BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH LAGI. SEKIRANYA SEMUA STAF MEMPUNYAI SIKAP UNTUK BEKERJA DENGAN TEKUN DAN BERILTIZAM TINGGI, INSYAALLAH SAYA YAKIN KITA MAMPU UNTUK MEREALISASIKAN PEMBENTUKAN SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL YANG KREATIF DAN INOVATIF TERKEMUKA DI DUNIA.

SAUDARA DAN SAUDARI YANG DIHORMATI,

PADA TAHUN INI SERAMAI 83 ORANG STAF MENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN 17 ORANG DARIPADANYA MENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG UNTUK KALI KEDUA SEPANJANG BERKHIDMAT DI KUTKM INI. MEREKA DIPILIH BERDASARKAN KEPADA KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN YANG TELAH DITUNJUKKAN

SEPANJANG TAHUN 2005 YANG LEPAS. KEAZAMAN DAN KESUNGGUHAN MEREKA DALAM MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN DENGAN CEKAP, CEMERLANG DAN PENUH DEDIKASI MEMBOLEHKAN ANUGERAH INI LAYAK DISAMPAIKAN KEPADA MEREKA.

SEBENARNYA BILANGAN STAF YANG MENDAPAT MARKAH CEMERLANG IAITU MELEBIHI 85% DALAM PENILAIAN PRESTASI TAHUN LALU ADALAH SERAMAI 451 ORANG, IAITU MEWAKILI 43 PERATUS DARIPADA KESELURUHAN STAF KUTKM. WALAU BAGAIMANAPUN KITA PERLU AKUR DENGAN PERATURAN YANG MENETAPKAN HANYA 8 PERATUS SAHAJA DARI JUMLAH STAF BOLEH DIANUGERAHKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG.

BAGI PENERIMA ANUGERAH, SAYA INGIN MENINGATKAN BAHAWA PENGIKTIRAFAN YANG DITERIMA INI BUKANLAH SESUATU YANG MUTLAK

MILIK MEREKA. IA KERANA DISEBALIK KECEMERLANGAN SESEORANG ITU, ADA SOKONGAN DARI STAF YANG LAIN. KALAU TIDAK KERANA SEMANGAT KERJA BERPASUKAN DARI SELURUH WARGA UNIVERSITI YANG LAIN, BELUM TENTU ANDA BERADA DI SINI UNTUK MENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG INI. OLEH ITU BERTERIMA KASIH LAH JUGA KEPADA MEREKA YANG SAMA-SAMA MENYOKONG ANDA SEHINGGA BERJAYA.

KEPADA STAF YANG CEMERLANG TETAPI TIDAK DAPAT PENGANUGERAHAN KALI INI DIHARAPKAN TIDAK MERASA KECEWA DAN BERPUTUS ASA. TERUSKANN USAHA UNTUK BEKERJA DENGAN IKHLAS SERTA TIDAK MENGHARAPKAN IMBUHAN SEMATA-MATA. LAKUKAN SESUATU PEKERJAAN ITU KERANA AMANAH YANG PERLU DITUNAIKAN DENGAN SEBAIK MUNGKIN. TERUSKAN MENGAMAL BUDAYA KERJA CEMERLANG DAN INSYAALLAH

ANDA AKAN MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DAN GANJARAN ITU KEMUDIAN.

SAUDARA DAN SAUDARI YANG DIHORMATI,

SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI AWAM, KUTKM SEHARUSNYA MEMPUNYAI KEUPAYAAN UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI DAN TERBAIK KEPADA SEMUA PELANGGAN. KUALITI PERKHIDMATAN YANG BERKELAS DUNIA SEHARUSNYA MENJADI PENANDA ARAS KEPADA KITA SUPAYA SESIAPA SAHAJA YANG BERURUSAN DENGAN KITA SAMA ADA DARI PIHAK KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI, STAKE HOLDER, MAHASISWA, UNIVERSITI TEMPATAN DAN LUAR NEGARA DAN AGENSI-AGENCI LAIN MENDAPAT LAYANAN YANG CEKAP DAN MESRA.

USAHA-USAHA PENAMBAHBAIKAN YANG BERTERUSAN PERLU DILAKSANAKAN DARI MASA KE SEMASA. KERENAH BIROKRASI, LAYANAN KURANG MESRA, KELEWATAN MENGAMBIL TINDAKAN, LAMBAT MENYELESAIKAN SESUATU MASALAH DAN PENYELEWENGAN BOLEH MENYEBABKAN KUALITI PERKHIDMATAN BERADA PADA TAHAP YANG RENDAH. KELEMAHAN DAN KEPINCANGAN INI PERLU DIPANDANG SERIUS DAN IA MEMERLUKAN TINDAKAN SEGERA UNTUK MENGATASINYA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

KUTKM TELAH MENGELUARKAN 1470 ORANG GRADUAN MELALUI DUA KONVOKESYEN YANG LEPAS, IAITU 497 PADA PERINGKAT DIPLOMA, 971 PERINGKAT IJAZAH DAN 2 PERINGKAT SARJANA. ALHAMDULILLAH SEHINGGA KINI KEBANYAKKAN GRADUAN KUTKM TELAH MENDAPAT PEKERJAAN

SEBAIK SAHAJA TAMAT PENGAJIAN DI UNIVERSITI INI. KITA PERLU BERSYUKUR KERANA PIHAK MAJIKAN MENARUH KEYAKINAN PENUH KEPADA GRADUAN-GRADUAN KUTKM UNTUK BEKERJA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT MEREKA.

GRADUAN YANG KITA KELUARKAN ADALAH MENCAPI PIAWAIAN YANG DIPERLUKAN OLEH PIHAK INDUSTRI. PRESTASI YANG DITUNJUKKAN OLEH MEREKA SEBAGAI TENAGA KERJA MAHIR ADALAH AMAT MEMBANGGAKAN. MEREKA DENGAN MUDAH DAPAT MENYESUAIKAN DIRI DALAM DUNIA PEKERJAAN MASING-MASING MELALUI PENERAPAN SISTEM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN SEMASA MENUNTUT DI SINI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

PENERIMAAN GRADUAN KUTKM OLEH PIHAK INDUSTRI ADALAH AMAT BERKAIT RAPAT DENGAN MUTU PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG TELAH KITA SEDIAKAN. PIHAK UNIVERSITI MEMBERI JAMINAN BAHAWA MUTU PENDIDIKAN TINGGI DI KUTKM INI ADALAH MEMENUHI KRITERIA DAN SYARAT SEPERTIMANA YANG TELAH DITETAPKAN OLEH LEMBAGA AKREDITASI NEGARA SERTA MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DARI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DAN LEMBAGA KEJURUTERAAN MALAYSIA.

BAHKAN KUTKM JUGA TELAH MENCAPAI BANYAK KECEMERLANGAN PADA TAHUN 2005 SAMA ADA DALAM BIDANG AKADEMIK, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, PEMBANGUNAN PELAJAR, PENTADBIRAN, SUKAN DAN SEBAGAINYA. INI KERANA, SEMUA STAF UNIVERSITI INI MEMPUNYAI KEUPAYAAN, PERANAN DAN KESEDIAAN UNTUK

SANGGUP MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PEMBANGUNAN UNIVERSITI PADA BILA-BILA MASA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGINGATKAN KEPADA SEMUA STAF KUTKM SUPAYA SENTIASA MEMPERTINGKATKAN ILMU PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DIRI BAGI MENJAMIN KELANGSUNGAN KUALITI PERKHIDMATAN BERADA PADA TAHAP YANG TERBAIK. KITA PERLU BERSEEDIA MELENGKAPKAN DIRI DENGAN PELBAGAI SUDUT PENGETAHUAN TERUTAMANYA BERKAITAN KEMAHIRAN DAN PENGUASAAN INFORMASI TEKNOLOGI. DALAM DUNIA PERSAINGAN YANG KIAN HEBAT, FAKTOR PENYAMPAIAN MAKLUMAT YANG BERKESAN MELALUI KECANGGIHAN TEKNOLOGI ADALAH PENENTU KEPADA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG BAIK.

DI SAMPING ITU PEMBANGUNAN MODAL INSAN TELAH MENJADI AGENDA UTAMA UNIVERSITI UNTUK TERUS MEMPERTINGKATKAN KOMPETENSI STAF SUPAYA MEREKA DAPAT MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA PELANGGAN. LATIHAN YANG BERBENTUK FORMAL DAN TIDAK FORMAL DITUMPUKAN KEPADA SETIAP KUMPULAN PERKHIDMATAN BERDASARKAN KEPERLUAN MEREKA.

KITA JUGA PERLU SENTIASA BERSEDIA UNTUK MEMPERBAIKI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SUPAYA MENJADI LEBIH CEKAP DAN TELUS. PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN PERLU MENJIMATKAN MASA , MENGURANGKAN KOS, MUDAH DAN MENARIK. KEHENDAK PELANGGAN PERLU MENJADI KEUTAMAAN DAN APA SAHAJA PERMOHONAN ATAU ADUAN PERLU DIAMBIL TINDAKAN YANG SEGERA DAN EFISIEN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

AUDIT TERHADAP SISTEM PENGURUSAN DAN KEWANGAN PERLU DILAKUKAN PADA SETIAP MASA DAN MENYELURUH. TEGURAN DARI AUDIT DALAM DAN LUAR ADALAH PENTING. CADANGAN PENAMBAH BAIKAN TERHADAP SISTEM PERKHIDMATAN OLEH AUDITOR PERLU DIPANDANG SERIUS SUPAYA KITA DAPAT MENGELAKKAN PEMBAZIRAN DAN MENINGKATKAN KEPUASAN PENGGUNA. KELEMAHAN YANG BERLAKU PERLU DIPERBAIKI SUPAYA IANYA TIDAK BERULANG DAN DENGAN ITU KITA AKAN TERUS DAPAT MENINGKATKAN KECEKAPAN.

BEKERJALAH DENGAN LUHUR DAN PENUH KEYAKINAN SERTA SENTIASALAH MENYEMAIKAN PEMUAFAKATAN DALAM MELAKUKAN TUGAS YANG TELAH DIAMANAHKAN KEPADA KITA. LETAKKANLAH KEUTAMAAN TUGAS DI KUTKM INI MELEBIHI

DARIPADA KEPENTINGAN PERIBADI. KEPADA MEREKA YANG TIDAK MENCAPAI PRESTASI YANG CEMERLANG, SAYA INGIN MENINGATKAN SUPAYA MEREKA SENTIASA MEMPERBAIKI DIRI DAN SENTIASA POSITIF TERHADAP TEGURAN YANG DIBERIKAN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

AKHIR KATA SAYA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA SEMUA STAF YANG TELAH MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN PENUH DEDIKASI DAN CEMERLANG BAGI MEMBOLEHKAN KUTKM MEMBANGUN DENGAN PESAT DAN SETERUSNYA MENEMPA BANYAK KEJAYAAN PADA TAHUN LALU.

SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SERI (Dr.) MOHD SALEH BIN SULONG, Pengerusi

LEMBAGA PENGARAH KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA KERANA TELAH SUDI HADIR PADA MAJLIS INI DAN MEMERIAHKAN ACARA YANG BERLANGSUNG.

SEKIAN WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH, WSM WRT WBT. TERIMA KASIH.